

Submission date: 17 June. 2021

Acceptance date: 10 Dec. 2021

Publication date: 31 Dec. 2021

## **HAK ASASI GOLONGAN RENTAN PASCA BENCANA ALAM**

### THE RIGHTS OF VULNERABLE PEOPLE POST-NATURAL DISASTER

<sup>i</sup> Dina Imam Supaat, <sup>ii</sup>\* Nisar Mohammad Ahmad, <sup>ii</sup> Nur Najihah Zesdyzar

<sup>i</sup> Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

<sup>ii</sup> School of Law, Queen Mary University of London

\*(Corresponding author) email: [nisar@usim.edu.my](mailto:nisar@usim.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.33102/mjsr.vol9no2.325>

### **ABSTRAK**

Bencana alam di seluruh dunia mengakibatkan banyak kesan negatif termasuk terhadap golongan rentan. Berbagai-bagai jenis bencana alam telah menyebabkan golongan ini terdedah kepada kemudaran yang besar, bergantung kepada faktor-faktor tertentu. Artikel ini bertujuan untuk menganalisa pelanggaran hak asasi golongan rentan mangsa bencana alam. Menerusi kajian kualitatif, artikel ini menggunakan kaedah deskriptif untuk menerangkan keadaan kumpulan rentan yang terkesan disebabkan bencana serta hak mereka dalam undang-undang. Kajian ini menunjukkan bahawa mangsa yang terselamat dari bencana alam akan mengalami insiden pelanggaran hak asasi secara berleluasa disebabkan pengabaian, dan salah laku pihak berkaitan serta kejahilan mangsa.

**Kata Kunci:** bencana alam, hak golongan rentan, pencabulan hak asasi

### **ABSTRACT**

*Natural disasters around the globe have affected humankind in many ways especially vulnerable people. Various kinds of disasters have exposed vulnerable people to multiple risks and hazards, depending on the factors. This article seeks to analyse violations of the rights of vulnerable people survivors of disasters. Through qualitative research, this study adopts descriptive methodology to explain the situation of vulnerable population affected by disaster and their rights under the law. This study shows that survivors of disasters experience rampant infringement of human rights due to negligence and mistreatment of the parties and the survivors' own ignorance and lack of knowledge.*

**Keyword (s):** natural disasters, rights of vulnerable people, infringement of vulnerable people's rights

### **Pendahuluan**

Pada 2020, anggaran kos kerugian disebabkan oleh bencana alam di seluruh dunia ialah sekitar USD 75 billion (Statista, 2020). Sehingga tahun 2020 juga, lebih 30 juta orang mangsa telah menjadi pelarian disebabkan bencana alam (McCarthy, 2021). Dari jumlah tersebut, 75 peratus adalah dari kalangan kumpulan rentan. Berbanding kumpulan penduduk umum yang lain, kumpulan rentan ini yang antara lain terdiri daripada kanak-kanak, wanita dan warga emas,

adalah sangat terdedah kepada risiko dan bahaya yang disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya bencana alam, kemiskinan, umur, kesihatan dan latarbelakang etnik (UNHCR; Jeffery, 1982; Blaikie et al. 1994; Wisner et al. 2004). Ramai yang menjadi cacat, sakit, trauma atau mendapat tekanan mental, kerukunan rumah tangga terganggu, kanak-kanak menjadi yatim atau terpisah dari ibubapa, harta benda musnah dan pekerjaan terjejas.

Bencana alam tidak membeza-bezakan mangsa; sesiapa sahaja yang berada di dalam zon bencana akan mendapat kesannya termasuk wanita, kanak-kanak, warga emas - iaitu kumpulan rentan di dalam masyarakat. Penyelidik telah mendapati bahawa bencana alam mempunyai kesan berbeza terhadap wanita dan lelaki dan terhadap dewasa dan kanak-kanak. Mangsa yang terselamat dari bencana alam tidak hanya terkesan dan menderita akibat bencana dan kesan pasca-bencana, tetapi mereka juga akan mendapat kesan pencabulan hak asasi semasa di pusat-pusat penempatan dan perpindahan sementara yang diwujudkan (Badri et al, 2006; Tokunaga, 2012; Detraz & Peksen, 2016). Kajian ini melihat bagaimana pencabulan dan pelanggaran hak asasi mangsa bencana berlaku selepas bencana berakhir. Pasca bencana, mangsa yang terselamat dari bencana alam bukan sahaja menderita akibat bencana alam tersebut tetapi penderitaan mereka berterusan sehingga ketika berada di pusat penempatan sementara. Bencana akan mengakibatkan mangsa mengalami gangguan atau tekanan emosi negatif yang akan turut memberi kesan kepada kesihatan mental mereka (Johari & Marzuki, 2013). Kekurangan akses kepada sumber asas kehidupan seperti mata pencarian, modal perniagaan, pendidikan, latihan, kesihatan dan jaringan sosial menyumbang kepada fenomena kerentanan sebelum dan selepas berlakunya bencana.

Di kebanyakan tempat di dunia, wanita dan kanak-kanak tidak mempunyai akses dan kawalan yang cukup terhadap sumber-sumber ini yang menyebabkan mereka menjadi rentan dan terdedah kepada pelbagai bahaya dan risiko. Mengambil kira faktor wanita dan kanak-kanak perempuan yang sangat bergantung kepada lelaki, maka mereka mempunyai akses yang kurang terhadap aset (Hossain, 1988; Wiest et al, 1994; McEntire, 1999). Disebabkan faktor fizikal mereka, golongan wanita adalah lebih rentan dan mudah terjejas sama ada dari sudut sosial mahupun ekonomi, mempunyai kurang jaringan dan sokongan sosial dalam mendapatkan maklumat sebelum dan selepas berlakunya bencana (Gist & Lubin, 1989; Diaz, 2004; Bradshaw & Fordham, 2013). Di samping itu, amalan tradisi yang lazimnya meletakkan wanita di bawah pengawasan lelaki telah menyebabkan golongan ibu tunggal dilupakan dan diabaikan (Buvinic & Youssef, 1978). Kanak-kanak menjadi rentan kerana kekurangan pengalaman dan sifat kebergantungan mereka kepada orang dewasa (Supaat, 2014; Supaat, 2015).

Bencana alam akan menambahkan kerentanan mereka, contohnya wanita dan kanak-kanak perempuan biasanya akan menjadi mangsa penderaan seksual dan risiko untuk mereka menjadi mangsa penderaan akan bertambah kerana faktor fizikal mereka yang lemah, rumah mereka yang musnah dan persekitaran tidak selamat. Bagaimanapun, satu perkara yang mesti dipuji dalam menangani kesan bencana adalah kesanggupan negara-negara asing and pelbagai NGO menawarkan bantuan teknikal, kewangan dan khidmat sukarela kepada negara-negara terkesan. Dunia tak mungkin dapat melupakan visual kemusnahan dan kematian akibat gempa bumi dan tsunami di Lautan Hindi pada Disember 2004 yang turut melanda pantai empat negara ASEAN, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Myanmar (Gentner, 2006). Mesyuarat Khas Ketua-ketua Negara ASEAN yang diadakan pada Januari 2005 telah merekodkan pengisytiharan untuk memperkasa bantuan kecemasan, pemulihan, pembinaan semula dan pencegahan selepas kejadian bencana gempa dan tsunami pada 26 Disember 2004 (Gentner, 2006).

Pasukan tentera dari Australia, Brunei, Perancis, Jerman, India, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Belanda, Norway, Pakistan, Rusia, Singapura, Sepanyol, Switzerland, Amerika dan Britain telah bekerjasama dalam memberi bantuan dan kerja-kerja pemulihan termasuk pengangkutan udara, pengangkutan laut, perkhidmatan perubatan, dan

kejuruteraan awam untuk pembinaan semula jalan dan jambatan di Indonesia dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (Matsuura, 2006). Selain daripada hampir 6,000 tenaga tentera, terdapat juga hampir 5,000 tenaga dari pelbagai NGO dan jumlah bantuan terkumpul lantaran bencana tersebut di seluruh dunia adalah sekitar \$13.5 billion (Telford & Cosgrave, 2006).

### **Keengganan Kerajaan Menerima Bantuan Kemanusiaan Negara Luar**

Keengganan negara yang dilanda bencana menerima bantuan asing telah menimbulkan persoalan kedaulatan dan kemungkinan berlaku pencabulan hak mangsa bencana untuk mendapat bantuan kemanusiaan (Thomsen, 2015) sedangkan ia sedar kemasuhan yang berlaku melangkaui kemampuan organ-organ negara. Pihak berkuasa akan menganggap keadaan baik dan terkawal dan akan mengambil tindakan yang perlu meskipun realitinya mereka tidak berupaya memenuhi permintaan untuk tugas-tugas menyelamat dan menyediakan bantuan kepada mangsa. Terdapat banyak contoh di mana kerajaan dan negara-negara tertentu enggan menerima tawaran bantuan dari negara jiran atau negara asing dan NGO antarabangsa meskipun tahu mereka memerlukannya untuk menjaga status dan reputasi (Carnegie & Dolan, 2020; Tokunaga, 2012). Gempa bumi di Iran pada 1990 telah mengorbankan 50,000 orang namun bantuan kemanusian dari negara asing dan NGO antarabangsa tidak diberikan kebenaran masuk oleh kerajaan (Hardcastle & Chua, 1998). Di Afghanistan, gempa bumi pada 1998 telah meragut 4,500 nyawa. Pihak berkuasa telah mengawal bantuan daripada disalurkan ke sebahagian kawasan menyebabkan jumlah mangsa bertambah di sebalik kepercayaan ramai bahawa jumlah tersebut boleh dikurangkan (Hardcastle & Chua, 1998).

Tsunami yang melanda dunia pada 2004 telah menyebabkan kemasuhan dahsyat di India tetapi negara tersebut berkeras tidak mahu menerima bantuan asing dan mendakwa mereka mampu menangani bantuan pasca bencana untuk semua rakyat yang terkesan (Rajghatta, 2005). Bagaimanapun sehingga 2010, masih ramai rakyat India yang belum mendapat bantuan yang sepatutnya (RT News, 2010). Kerajaan Burma dilaporkan enggan menerima bantuan asing serta tidak mengeluarkan visa kepada pekerja bantuan kemanusian asing selepas Taufan Nargis melanda pada 2008 yang mengakibatkan kematian sekitar 140,000 orang namun kemudiannya tunduk kepada tekanan diplomatik (Traczykowski, 2016; Thomsen, 2015; Selth, 2008). Selain itu, Jepun juga pada mulanya enggan menerima bantuan asing selepas berlakunya tsunami pada 2011 namun hanya membenarkannya selepas hampir seminggu berlalu (Tokunaga, 2012). Selepas Indonesia mengalami gempa bumi di Lombok pada Ogos 2018 dan bencana tsunami dan gempa bumi di Sulawesi, kumpulan bantuan NGO asing tidak dibenarkan berada di tapak bencana tidak sepertimana kebiasaan sebelum ini (Loi, 2018).

### **Hak Untuk Mendapat Maklumat**

Mangsa yang terselamat dari bencana mempunyai hak untuk mendapat akses kepada maklumat yang tepat. Artikel 19, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) memperuntukkan bahawa: setiap orang mempunyai kebebasan mengutarakan pendapat dan bersuara; hak ini merangkumi kebebasan untuk berpegang kepada mana-mana pendapat tanpa campur tangan, dan mencari, menerima dan menyampaikan maklumat dan idea melalui mana-mana media dan tanpa mengira perbezaan. Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik juga menjamin hak setiap orang untuk bersuara dengan bebas; merangkumi kebebasan mencari, menerima dan menyampaikan maklumat dan idea terdiri daripada semua jenis, tanpa mengira perbezaan, secara lisan, bertulis atau cetak, dalam bentuk seni, atau melalui media lain (Artikel 19, UDHR). Akses kepada maklumat yang tepat akan mengurangkan kehilangan nyawa, mengurangkan rasa panik, memberi panduan cara mengakses perkhidmatan dan bekalan asas, memberi panduan mendapatkan khidmat kaunseling, membantu mengesan ahli keluarga yang hilang, dan mengelakkan rasuah (Global Campaign for Free Expression, 2005). Manakala

sekatan ke atas maklumat hanya akan membawa kepada bahaya dan kesukaran yang lebih besar dalam membuat keputusan-keputusan penting.

Di Jepun, satu maklumat yang menyeleweng dan propaganda keselamatan yang mengatakan tiada elemen berbahaya telah disebarluaskan. Maklumat tentang kerosakan Stesen Janakuasa Nuklear Fukushima DaiChi tidak dimaklumkan lebih awal menyebabkan pengeluaran sejumlah besar bahan radioaktif, yang menurut sebahagian saintis, adalah dianggarkan menyamai bencana Chernobyl (Tokunaga, 2012). Kawasan pemindahan yang diisyiharkan dianggap sangat sempit jika dibandingkan dengan piawaian antarabangsa manakala data berkaitan bagaimana radiasi merebak, arah tuju radiasi dan jumlah radiasi yang telah merebak tidak dihebahkan. Justeru, tanpa maklumat sahih yang mencukupi, ramai mangsa bencana yang masih meneruskan hidup di kawasan yang sangat tercemar dan mereka tidak mempunyai sokongan kewangan untuk berpindah ke tempat atau lokasi baru yang lebih selamat (Tokunaga, 2012).

### **Kemiskinan dan Kekurangan Bekalan Asas**

Keluar dari belenggu kemiskinan selepas berlakunya bencana alam adalah suatu yang sukar dilakukan kerana lazimnya bencana akan memburukkan lagi keadaan. Kemiskinan akan menyebabkan ibubapa lebih rela membiarkan anak perempuan mereka berkahwin awal berbanding menyambung pengajian. Ibubapa juga mungkin akan meminta anak-anak mereka bekerja untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Kedua-dua tindakan adalah langkah penyelesaian yang tidak mapan untuk menghapuskan kemiskinan. Sebaliknya, ia hanya akan mengekalkan kitaran kemiskinan. Kemiskinan dan diskriminasi akan mengakibatkan kanak-kanak dinafikan akses kepada pendidikan, terutamanya kanak-kanak perempuan.

Bagi sesetengah mangsa bencana yang merasakan peluang pekerjaan sangat kurang di negara sendiri, mereka akan memilih untuk berhijrah ke negara lain. Walaubagaimanapun, keadaan mereka yang terdesak berkemungkinan menjadikan mereka cuai dan menjadi mangsa kepada penyeludup manusia dan perkhidmatan penyeludupan (Bowersox, 2018). Keluarga akan terpengaruh / terpaksa untuk melepaskan anak-anak mereka untuk dijadikan anak angkat termasuk yang melibatkan negara asing.

Setiap manusia mempunyai hak untuk mendapatkan taraf hidup yang mencukupi untuk diri sendiri dan keluarga. Sekurang-kurangnya, mangsa yang terkesan dari bencana mempunyai hak untuk mendapat akses kepada atau dibekalkan dengan (a) makanan asas air; (b) perlindungan asas dan rumah kediaman; dan (c) pakaian yang bersesuaian (UDHR, Guiding Principles on Internal Displacement, 1998). Disebabkan kekurangan penyaluran bantuan, atau disebabkan status ekonomi dan ketidakupayaan untuk memperolehi, mangsa bencana tidak mendapatkan keperluan asas. Di kebanyakan negara, bayaran pampasan diberikan kepada ketua keluarga (biasanya lelaki), maka sekiranya terdapat keganasan dalam keluarga atau masalah ketagihan, wanita mungkin tidak akan mendapat apa-apa dari pampasan tersebut (Buvinic, Mayra, Youssef, 1978; Saito, 2012; Abdul Rahman, 2018) .

### **Diskriminasi**

Adalah suatu yang asas dalam undang-undang utama di peringkat antarabangsa atau tempatan bahawa tiada seseorang yang harus didiskriminasi di atas apa jua faktor sama ada bangsa, jantina, latarbelakang sosial dan status ekonomi. Mana-mana orang yang telah terjejas akibat bencana alam tidak boleh didiskriminasi dan harus menikmati hak dan kebebasan yang sama di bawah undang-undang hak asasi seperti yang dinikmati oleh orang lain di negara mereka. Kumpulan rentan, walaubagaimanapun, menjadi mangsa diskriminasi hatta ketika sedang menghadap saat sukar menghadapi bencana (Tokunaga, 2012; Bradshaw & Fordham, 2013).

Kadangkala wanita dan kanak-kanak perempuan telah dibebankan dengan rutin harian dan tugas menyantuni kaum lelaki, kanak-kanak dan warga emas. Justeru, apabila sekolah kembali beroperasi, kanak-kanak perempuan terpaksa tinggal di rumah dan meninggalkan urusan persekolahan (UNGA, 1990). Memandangkan undang-undang tidak menghalang diskriminasi berdasarkan status kewarganegaraan, wanita yang menjadi warganegara boleh diberikan keutamaan ke atas bukan warganegara meskipun ketika berlakunya kecemasan (United Nation, 2008).

### **Penyertaan dalam Membuat Keputusan**

Dalam menentukan perancangan penstrukturran dan pembinaan semula sesuatu zon bencana, pihak berkuasa perlu membenarkan penyertaan dan pandangan mangsa yang terlibat (McEntire, 1999). Ini bagi memastikan bahawa keperluan wanita dan kanak-kanak tidak diambil ringan atau dilupakan (Detraz & Peksen, 2016). Malangnya, ramai yang masih percaya bahawa lelaki boleh diberi kepercayaan penuh untuk mewakili setiap orang di dalam keluarga atau masyarakat dan oleh yang demikian, suara wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kelainan upaya tidak didengari atau diambil perimbangan (Ressler, Boothby & Steinbock, 1988). Sikap sesetengah orang yang bekerja dengan mangsa bencana mempunyai kaitan langsung dengan bentuk layanan yang diterima mereka (Roosli, 2010).

Hak untuk turut serta dalam membuat keputusan juga suatu isu yang timbul dalam mengendalikan proses penempatan semula apabila sesuatu kawasan rosak atau musnah. Penempatan semula akan menjadi satu masalah terutamanya jika Kawasan penempatan semula sangat berbeza dengan kawasan asal tempat mangsa tinggal, contohnya yang melibatkan komuniti Orang Asli. Terdapat kes di mana keengganan mangsa bencana untuk dipindahkan menyebabkan mereka dinafikan hak mendapat bantuan serta syarat-syarat ketat dikenakan sebelum bantuan diberikan.

### **Keganasan Berasaskan Jantina**

Peningkatan kemusnahan yang dahsyat susulan bencana alam boleh menyebabkan tekanan dan ketegangan dalam hubungan kekeluargaan. Keadaan ini seterusnya akan membawa kepada keganasan rumah tangga yang lazimnya menjadikan wanita dan kanak-kanak sebagai mangsa utama (UNHCR, 1991; United Nation, 2008; da Costa & Pospieszna, 2014). Mangsa keganasan rumah tangga akan lebih menderita dan tersiksa ketika fasa selepas bencana. Dalam keadaan di mana undang-undang tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya, dan tahap keselamatan berada pada paras paling bawah, orang yang terdesak dan penjenayah akan mensasarkan wanita dan kanak-kanak sebagai sasaran utama. Terdapat banyak kes ketidakadilan berdasarkan jantina dan serangan seksual di pusat pemindahan (Tokunaga, 2012). Dalam kes lain yang lebih teruk, pekerja bantuan akan menawarkan bantuan makanan sebagai balasan kepada khidmat seks yang diberikan (Jeffery, 1982; Supaat, 2015).

### **Kekurangan Sokongan Kesihatan**

Bencana alam memberikan kesan dahsyat dan berjangkamasa panjang tidak sahaja kepada kesihatan fizikal, tetapi juga kesihatan mental dan kesejahteraan psikososial (Norris et al., 2002; Solomon & Green, 1992). Lebih satu pertiga dari mangsa bencana dari kalangan dewasa dan kanak-kanak mengalami PTSD selepas bencana (Norris et al., 2002; Vernberg, Silverman, La Greca, & Prinstein, 1996). Ketika fasa pasca bencana juga, risiko bertambah dan mengakibatkan permasalahan seperti penyalahgunaan bahan, kebimbangan, kemurungan, gangguan penyesuaian, masalah interpersonal, bunuh diri, kesukaran vokasional, perubahan fisiologi jangka panjang, dan masalah kesihatan fizikal (Norris et al., 2002). Ketika bencana juga, sebahagian syarikat menjual produk yang ditarik balik di negara Barat ke pasaran ni

negara-negara membangun (Madeley, 1999). Syarikat pengeluar ubat akan menderma ‘ubat yang tidak diperlukan atau menghampiri tarikh luput’ dan mangsa menjadi ‘guinea pig’ untuk menguji ubat-ubat baru (Brown, 2016).

### **Laporan Media Yang Tidak Tepat dan Pelanggaran Privasi Mangsa**

Media memainkan peranan penting dalam membekalkan laporan bencana yang tepat dan perlu peka terhadap implikasi laporan yang dibuat (Nicholls, Sykes & Camilleri, 2010). Pengesahan keluarga yang hilang dan perkongsian tentang maklumat bantuan untuk mangsa bencana boleh disalurkan oleh media. Kesan bencana dan penderitaan mangsa-mangsa semakin menonjol dengan kemajuan teknologi media (Pantti, 2018). Dalam keterujaan untuk mendapatkan gambaran lebih dekat tentang bencana dan mengsa yang terselamat darinya, media kadangkala akan menghalang atau menyebabkan usaha-usaha bantuan dan pemulihan tertangguh (Buromensky, Shturkhetsky, Beals, Kazanji, Betz, Schuepp, 2016) dan kadangkala media memilih-milih bencana untuk dilaporkan, seperti yang menyebabkan lebih banyak kematian, mendarangkan kerosakan dan kerugian yang lebih besar, walaupun pengaruh politik mungkin memainkan peranan (Pantti, 2018).

Kadangkala media dilihat seolah-olah cuba menggambarkan sesetengah mangsa bencana tidak layak mendapat bantuan dan perhatian kerana telah menimbulkan kekacauan seperti yang dilaporkan selepas malapetaka taufan Katrina (Pantti, 2018). Dalam kes yang lebih keterlaluan, imej orang yang meninggal dunia atau tercedera akan disiarkan tanpa rasa hormat (Pantti, 2018). Situasi ini menjadi sukar dan lebih memburukkan lagi keadaan apabila penggunaan internet sebagai medium penyiaran akan menyebabkan ahli keluarga dan rakan terdekat mangsa akan sentiasa berhadapan dengan imej tragis mangsa meskipun selepas bertahun-tahun berlalu kerana: “apa jua yang berada di internet akan kekal selamanya dan tidak boleh dibuang”. Media massa kadangkala menghebahkan maklumat yang tidak disahkan atau khabar angin, atau secara sengaja memilih untuk menyembunyikan kebenaran atau memperbesarkan sesuatu isu untuk meningkatkan sentiment masyarakat awam atau untuk meningkatkan penyaluran bantuan (Civaner, Vatansever & Pala, 2017; (Tierney et al., 2006).

### **Hak Pendidikan**

Hak untuk mendapatkan pendidikan adalah hak yang asas yang membolehkan kanak-kanak menikmati hak-hak yang lain. Bagi golongan dewasa, pendidikan adalah suatu bentuk pemerkasaan yang dapat membantu mereka meningkatkan taraf hidup dan menyumbang kepada pemulihran komuniti.

Dalam keadaan sekolah yang rosak kerana bencana, usaha membaikpulih sekolah dan pusat pembelajaran perlu disegerakan agar kanak-kanak dapat kembali ke sekolah sesegera yang mungkin. Berada dalam persekitaran pembelajaran yang selamat bersama kanak-kanak lain adalah elemen penting dalam pemulihan kanak-kanak selepas bencana (Watt, 2019). Namun begitu, usaha membina semula sekolah di kawasan terpencil dan pedalaman akan mengambil masa yang lama mengambilkira kekangan kewangan. Adalah penting untuk setiap orang melihat bahawa pergi ke sekolah akan memberikan anak-anak rasa normal misalnya dengan membebaskan minda mereka dari kekacauan di sekeliling (UNESCO, t.t (a) serta menyampaikan mesej-mesej penting yang boleh menyelamatkan nyawa kanak-kanak, melindungi kanak-kanak dari eksplorasi dan menyokong pembinaan semula komuniti (UNESCO, t.t (b))

Pasca bencana, kanak-kanak perempuan akan berhadapan diskriminasi serta turut dinafikan hak untuk mendapat pendidikan kerana ibubapa mereka tidak mampu atau disebabkan sumber pendapatan yang terhad. Dalam menentukan pendidikan anak-anak,

ibubapa biasanya memberi keutamaan dan kepada anak-anak lelaki untuk menyambung pengajian dan tidak kepada anak-anak perempuan (UNESCO, 2006). Di setengah lokaliti, kanak-kanak perempuan yang ke sekolah menghadapi cabaran didera, gangguan dan keganasan seksual (UNESCO, 2006).

### **Hak Mendapat Tempat Tinggal yang Bersesuaian dan Memadai**

Bencana boleh menyebabkan keluarga kehilangan tempat tinggal, kemusnahaan infrastuktur, gangguan perkhidmatan asas, dan menyebabkan pemindahan dari tempat asal. Ini akan meletakkan mangsa dalam keadaan berisiko dan tidak selamat. Golongan berada dan miskin keduanya tidak terkecuali dari kesan buruk ini tetapi golongan daif, papa dan miskin akan lebih terkesan kerana mereka lebih berisiko akan mengambil masa yang lebih panjang untuk pulih (OHCHR, t.t). Misalnya selepas bencana golongan berada mempunyai modal untuk memperbaiki kediaman mereka atau mempunyai jaringan yang baik dengan ahli keluarga lain, rakan-rakan dan agensi perkhidmatan yang boleh membantu mereka memulihara rumah atau mendapatkan kediaman ganti sementara atau tetap. Golongan miskin dan rentan mungkin tidak ada keluarga lain atau rangkaian jaringan yang boleh memberikan sokongan dengan segera atau terdedah kepada diskriminasi dan penyisihan (OHCHR, t.t; UNGA, 2011). Perkara 11(1) Konvensyen Antarabangsa Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR) menyebutkan bahawa: “Negara-negara anggota Konvensyen ini mengiktiraf hak setiap orang kepada taraf hidup yang mencukupi untuk diri sendiri dan keluarga, termasuk tempat tinggal yang bersesuaian, dan penambahbaikan berterusan kepada persekitaran kehidupan.”

Hak kepada tempat tinggal yang bersesuaian dan memadai diukur dengan pelbagai faktor termasuk perlindungan undang-undang terhadap tempoh tinggal, kesediaan perkhidmatan, bahan, kemudahan, infrastruktur, lokasi dan akses. Golongan rentan berisiko tinggal dalam binaan/ kediaman yang sangat daif untuk satu jangkama yang lama selepas bencana berakhir (UNGA, 2010). Adalah suatu yang menyediakan bertahun-tahun setelah bencana berlaku, kerajaan di kebanyakan negara memperlihatkan kemajuan yang perlahan dalam menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada mangsa bencana (Oxfam, 2006) seperti ada mangsa yang tercicir dari mendapat bantuan rumah (Abdul Rahim, Rosli & Ibrahim, 2016) dan ada juga rumah ganti tidak boleh didiami (Sumanti, 2018).

### **Rasuah dan Salahguna Kuasa**

Bencana bukan sahaja menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur tetapi juga kepada moral. Rasuah dikatakan wujud dalam setiap proses pengurusan bencana: semasa proses pencegahan, persediaan bencana, fasa tindakbalas dan pemulihan yang memberi kesan kepada mangsa (Sorensen, 2014; Nordin et al, 2018) terutamanya kumpulan rentan yang kerentanan mereka bertambah serius disebabkan rasuah dan penyelewengan (Sabur, 2015). Selepas sesuatu bencana, terdapat banyak ruang dan peluang untuk rasuah berlaku contohnya di dalam urusan derma, penyaluran bekalan sementara, tempat perlindungan, sukarelawan dan pelan tindak balas kecemasan (Hees, Ahlendorf & Debere, 2010).

Jumlah besar sumber untuk bantuan kemanusiaan sangat berpotensi untuk menyuburkan pertumbuhan aktiviti rasuah dalam pelbagai bentuk seperti mendiskriminasikan penyaluran bantuan serta pemberian bantuan yang berkualiti rendah (Saharan, 2015). Di Bangladesh, sebuah negara yang disenaraikan sebagai antara yang paling rentan kepada bencana alam, satu kajian pada 2009 ke atas 278 isirumah telah menunjukkan bahawa mangsa bencana akan terkesan, antara lain, oleh rasuah dan penyelewengan sumber bantuan. Kajian itu juga mendapati bahawa golongan di bawah garis kemiskinan adalah yang paling terkesan ((Mahmud and Prowse, 2012).

## Cadangan

Kesukaran dan masalah yang dihadapi oleh golongan rentan tidak terhenti apabila bencana tamat bahkan berpotensi memuncakkan kerentanan apabila mereka tidak mempunyai modal, simpanan, jaringan, dan kemahiran. Bencana alam menjadikan perlenggaran dan penafian hak asasi semakin buruk justeru campurtangan boleh membantu mengatasi masalah tersebut. Namun, sesetengah negara mungkin menganggap bantuan pihak luar sebagaimana campur tangan asing yang boleh menimbulkan masalah. Kerentanan golongan wanita bukanlah disebabkan faktor biologi tetapi kerana dasar ketidakadilan jantina yang melayan lelaki dan wanita secara berbeza berdasarkan kepercayaan masyarakat tentang bagaimana lelaki dan wanita perlu berkelakuan dan berfungsi lantas menghadkan akses wanita kepada sumber-sumber yang diperlukannya.

Pemerkasaan wanita dan kanak-kanak boleh membantu mengurangkan kesan sampingan bencana alam dan membantu mereka dalam menguruskan usaha pembinaan dan penstrukturran semula hidup yang terjejas akibat bencana. Amat penting bagi pihak berkuasa, pekerja-pekerja sosial dan kemanusiaan untuk memahami kerentanan wanita dan kanak-kanak serta isu-isu hak asasi untuk membantu mereka meneruskan hidup. Sikap kita terhadap bencana alam dan mangsa yang terlibat dapat diperlihatkan dalam pelbagai bentuk, di media sosial, sama ada kita berswafoto atau tidak dan sebagainya. Bantuan perlu diberikan di atas dasar hak asasi, bukan atas dasar kebijakan semata-mata. Satu garispanduan berdasarkan hak asasi adalah penting untuk membantu agensi-agensi dan pekerja pemulihan melaksanakan tugas dan peranan mereka berpandukan piawaian hak asasi terutamanya di kawasan-kawasan di mana risiko berlaku rasuah sangat tinggi. Ia juga akan dapat memastikan mangsa bencana akan mendapat peluang untuk membina semua kehidupan dan diberikan penghormatan oleh sukarelawan atau orang-orang yang bekerja dengan mereka.

## Kesimpulan

Kesukaran dan masalah yang dihadapi oleh kumpulan rentan tidak terhenti apabila bencana telah tamat. Banyak perkara boleh mempengaruhi bagaimana mangsa bencana dilayan dan rasuah / pemyelewengan adalah salah satu daripadanya. Bencana alam menjadikan isu-isu hak asasi semakin buruk justeru campurtangan boleh membantu mengatasi isu-isu tersebut. Namun, sesetengah negara mungkin menganggap bantuan pihak luar sebagaimana campur tangan asing yang boleh menimbulkan masalah. Kerentanan golongan wanita bukanlah disebabkan faktor biologi tetapi kerana dasar ketidakadilan jantina yang melayan lelaki dan wanita secara berbeza berdasarkan kepercayaan masyarakat tentang bagaimana lelaki dan wanita perlu berkelakuan dan berfungsi lantas menghadkan akses wanita kepada sumber-sumber yang diperlukannya.

Hak mangsa bencana dilindungi dengan baik di bawah kerangka antarabangsa namun usaha merealisasikannya masih menjadi suatu isu tidak selesai. Adalah suatu keperluan yang mendesak untuk dibangunkan satu garispanduan berdasarkan hak asasi apabila bekerja dan berinteraksi dengan mangsa bencana terutamanya di kawasan di mana kebiasaan berlaku pelanggaran hak asasi. Pemerkasaan kumpulan rentan boleh membantu mengurangkan kesan sampingan bencana alam dan membantu mereka dalam menguruskan usaha pembinaan dan penstrukturran semula hidup yang terjejas akibat bencana. Amat penting bagi pihak berkuasa, pekerja-pekerja sosial dan kemanusiaan untuk memahami kerentanan wanita dan kanak-kanak serta isu-isu hak asasi untuk membantu mereka meneruskan hidup.

Sikap kita terhadap bencana alam dan mangsa yang terlibat dapat diperlihatkan dalam pelbagai bentuk, di media sosial, sama ada kita berswafoto atau tidak dan sebagainya. Tindakan kemanusian seringkali kurang peka tentang hak asasi – berkongsi gambar di media sosial dan sebagainya. Kita mengharapkan kerajaan melaksanakan kajian mendalam berkaitan isu-isu hak

asasi mangsa bencana di setiap negara. Sesetengah negara mempunyai rekod dan dokumentasi yang lebih terperinci berbanding negara yang lain. Kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah penting dan baik untuk pemulihan, pembinaan dan penstruktur semula jangka pendek dan panjang. Bantuan perlu diberikan di atas dasar hak asasi, bukan atas dasar kebijakan semata-mata.

## Penghargaan

Kajian dan penerbitan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah Fundamental Research Grant Scheme: FRGS/1/2019/SSI10/USIM/02/1

## RUJUKAN

- Abdul Rahim, N. F., Rosli, S. dan Ibrahim, R. (2016). Kelantan Siasat Mangsa Banjir Tercicir Bantuan Rumah. Berita Harian. 6 Disember 2016. <<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/220677/kelantan-siasat-mangsa-banjir-tercicir-bantuan-rumah>> Diakses 15 Mei 2020.
- American Bar (2006). Human Rights and Natural Disaster: The Indian Ocean Tsunami <[https://www.americanbar.org/publication/human\\_rights\\_magazine\\_home/human\\_rights\\_vol33\\_2006/fall2006/hr\\_fall06-lewis/](https://www.americanbar.org/publication/human_rights_magazine_home/human_rights_vol33_2006/fall2006/hr_fall06-lewis/)>
- Badri, S. A., Asgary, A., Eftekhari, A. R., & Levy, J. (2006). Post-disaster resettlement, development and change: a case study of the 1990 Manjil earthquake in Iran. *Disasters*, 30(4), 451-468.
- Blaikie, P., Cannon, T. and Davis, I. and Wisner, B. (1994) *At Risk: Natural Hazards, People's Vulnerability and Disasters*, London: Routledge.
- Bradshaw, S. and Fordham, M. (2013) *Women, Girls and Disasters: A review for DFID*. <[https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/236656/women-girls-disasters.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/236656/women-girls-disasters.pdf)> Diakses pada 22 November 2018
- Buromensky, M., Shturkhetsky, S., Beals, E., Kazanji, Z., Betz, M., & Schuepp, C. (2016). Conflict sensitive journalism: best practices and recommendations. Organisation for Security and Cooperation in Europe & International Media Support: Kyiv.
- Buvinic, Mayra, and Nadia Youssef (1978). *WomenHeaded Households: The Ignored Factor in Development Planning*. Washington, D.C.: International Center for Research on Women.
- Carnegie, A., Dolan, L.R. (2020). The effects of rejecting aid on recipients' reputations: Evidence from natural disaster responses. *Rev Int Organ*. <https://doi.org/10.1007/s11558-020-09393-y> Diakses 12 Mei 2020
- da Costa, K; Pospieszna, P. 2014. Finding the missing thread: The inclusion of a human rights-based approach in tackling climate change mitigation, adaptation and disaster risk reduction. United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNISDR)
- Diaz, J. H. (2004). The public health impact of hurricanes and major flooding. *The Journal of the Louisiana State Medical Society*, 156(3), 145-150.
- Gentner, H. H. (2006). ASEAN: Cooperative disaster relief after the tsunami. Südostasien aktuell : journal of current Southeast Asian affairs, 24(4), 3-9. <<https://nbn-resolving.org/urn:nbn:de:0168-ssoar-339208>> Diakses 12 Mei 2020.
- Gist, R., and B. Lubin, eds. (1989). *Psychosocial Aspects of Disaster*. New York: Wiley.
- Global Campaign for Free Expression (2005) Humanitarian Disasters And Information Rights. London: Article XIX Publication.
- Hees R, Ahlendorf ML and Debere S. (2010) Transparency International. Preventing Corruption in Humanitarian Operation, Berlin.
- Hossain, Mahabub (1988). Credit for Alleviation of Rural Poverty: The Grameen Bank in Bangladesh. Research Report 65. International Food Policy Research Institute in collaboration with the Bangladesh Institute of Development Studies.

- Jeffery, S.E. (1982). The creation of vulnerability to natural disasters: case studies from the Dominican Republic. *Disasters* 6(1):38-43.
- Johari, J & Marzuki, NA. (2013). Relating Stress, Anxiety and Depression among Flood Victims' Quality of Life in Malaysia: A Theoretical Perspective, *International Journal of Social Science and Humanity*, Vol. 3, No. 6, 543-547.
- Konvensyen Antarabangsa Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya, berkuatkuasa pada 3 Januari 1976.
- Loi, E. (2018) Why Indonesia's rules on foreign tsunami relief are rattling the aid sector. The New Humanitarian. <<https://www.thenewhumanitarian.org/analysis/2018/10/16/why-indonesia-s-rules-foreign-tsunami-relief-are-rattling-aid-sector>> Diakses 16 Mei 2020
- Mahmud, Tanvir, and Prowse, M. (2012). "Corruption in Cyclone Preparedness and Relief Efforts in Coastal Bangladesh: Lesson for Climate Adaptation? *Global Environmental Change* 22 (4): 933- 43.
- Matsuura, Y. (2006) Indian Ocean Tsunami and International Cooperation in East Asian Strategic Review 2006. The National Institute for Defense Studies: Japan. <<http://www.nids.mod.go.jp/english/publication/east-asian/e2006.html>> Diakses pada 2 Mei 2020.
- McCarthy, J. (2021). Natural Disasters Displaced 3 Times as Many People as Conflict in 2020. Global Citizen <<https://www.globalcitizen.org/en/content/natural-disaster-internally-displaced-persons-2020/>> Diakses pada 15 Jun 2021.
- McEntire, D. A. (1999). Issues in disaster relief: Progress, perpetual problems and prospective solutions. *Journal of Disaster Prevention and Management*, 8(5), 351-361.
- Nicole Detraz & Dursun Peksen (2016). The Effect of IMF Programs on Women's Economic and Political Rights, *International Interactions*, 42:1, 81-105, DOI: 10.1080/03050629.2015.1056343
- Nicholls, S., Sykes, J. & Camilleri, P. (2010). The role of the media and communication in recovery from natural disasters: A case study of the Canberra 'firestorm' and its aftermath 2003-2007. *Australian Journal of Communication*, 37 (3), 33-50.
- N.A. (2008). *Human Rights and Natural Disasters*. Brookings- Bern Project on Internal Displacement: Washington.
- Norris et al. (2002). 60,000 Disaster Victims Speak: Part I. An Empirical Review of the Empirical Literature, 1981–2001. *Psychiatry* 65(3).
- Nordin, R M et al. (2018). Opportunities for corruption across Flood Disaster Management (FDM). 8 IOP Conf. Ser.: Earth Environ. Sci. 117 012011.
- OHCHR. (t.t) The right to housing in disasters and post- conflict settings. <<https://www.ohchr.org/EN/Issues/Housing/Pages/DisasterPostConflictSettings.aspx>> Diakses 16 Mei 2020
- Pantti, M. (2018) Crisis and Disaster Coverage in The International Encyclopedia of Journalism Studies. <<https://onlinelibrary.wiley.com/doi/full/10.1002/9781118841570.iejs0202>> Diakses 15 Mei 2020.
- Paterno, B. (2014). Learning from Disaster. *Corruption and Environment Catastrophe*, 7 November 2014.
- Rajghatta, C. (2005). India's Tsunami aid phobia misplaced? *The Times of India*.
- Raymond E. Wiest, Jane S.P. Mocellin & D, Thandiwe Motsisi. (1994). *The Needs of Women and Disasters and Emergencies*. The University of Manitoba: Manitoba.
- Ressler, E.M., N. Boothby, and D.J. Steinbock (1988). *Unaccompanied Children: Care and Placement in Wars, Natural Disasters and Refugee Movements*. New York: Oxford University Press.
- Roosli, R. (2010). Managing disasters in Malaysia: the attitude of officials towards compliance with the MNSC Directive 20 (Doctoral dissertation, Northumbria University).
- RT News (2010). Tsunami Victims in India still Waiting for Compensation. RT News.
- Sabur, M. B. (2015). Effect of Corruption on natural disaster vulnerability. Thesis. School of Public Policy, Central European University. Budapest, Hungary.

- Saharan V. (2015). *Disaster Management and Corruption: Issues, Interventions and Strategies*. In: Ha H., Fernando R., Mahmood A. (eds) *Strategic Disaster Risk Management in Asia*. Springer, New Delhi
- Selth, A. (2008). Even paranoids have enemies: cyclone Nargis and Myanmar's fears of invasion. *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, 30(3), 379–402.
- Sorensen, J. (2014). Why are Natural Disaster Breeding Ground for Corruption? *Northwestern Now*, 03 March 2014.
- Statista Research Department (Nov, 5, 2020). <<https://www.statista.com/statistics/612561/natural-disaster-losses-cost-worldwide-by-type-of-loss/>> Diakses pada 15 Jun 2021.
- Sumanti, V. (2018) Bukan salah MAIK rumah ganti mangsa banjir tak boleh didiami. Astro Awani. 12 Februari. <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-salah-maik-rumah-ganti-mangsa-banjir-tak-boleh-didiami-167998>> Diakses 15 Mei 2020
- Supaat, D.I. (2014). 'Refugee Children Under the Malaysian Legal Framework'. *UUM Journal of Legal Studies*, Vol. 5 October 2014.
- Supaat D.I. 2015. *Refugee Children and the Customary International Law*. PhD Thesis. University of Birmingham, UK,
- Supaat, D.I. (2015). 'The Best Interests of The Child: State Practice', 7 *International Journal of Business, Economics and Law*
- Supaat, D.I et al. (2015). 'A Wasatiyyah Approach to Comprehensive Guideline for Children in The Entertainment Industry: A Proposal' Proceeding International Seminar on Syariah and Common Law, 22-23 October 2015, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Telford, J, Cosgrave, J., & Houghton, R. (2006) Joint Evaluation of the international response to the Indian Ocean tsunami: Synthesis Report. London: Tsunami Evaluation Coalition.
- Thomsen, M. (2015) The Obligation Not to Arbitrarily Refuse International Disaster Relief: A Question of Sovereignty. *Melbourne Journal of International Law* (16) 1-38
- Tierney, K., Bevc, C., & Kuligowski, E. (2006). Metaphors matter: Disaster myths, media frames, and their consequences in Hurricane Katrina. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 604(1), 57–81. doi:10.1177/0002716205285589
- UNESCO. (t.t. (a) Crisis and Transition Responses. <<http://www.unesco.org/new/en/unesco/themes/pcpd/education-in-emergencies/why-governments-should-provide-education-during-and-after-conflicts-and-disasters/>> Diakses 15 Mei 2020
- UNESCO. (t.t.(b) Education in Emergencies. <<https://en.unesco.org/themes/education-emergencies>> Diakses 15 Mei 2020.
- UNESCO. (2006) Education in Emergencies: The Gender Implications - Advocacy Brief. Bangkok: UNESCO Bangkok.
- United Nation. (2008). Human Rights and Natural Disasters. Brookings Bern Project on Internal Displacement: Washington.
- UN High Commissioner for Refugees (UNHCR), UNHCR Master Glossary of Terms. (June 2006). Rev.1, <<https://www.refworld.org/docid/42ce7d444.html>> Diakses pada 14 September 2021
- UNDP (2013). Rebuilding Haiti <[http://www.undp.org/content/undp/en/home/ourwork/crisispreventionandrecovery/projects\\_initiatives/crisis\\_in\\_haiti/](http://www.undp.org/content/undp/en/home/ourwork/crisispreventionandrecovery/projects_initiatives/crisis_in_haiti/)>
- United Nations General Assembly (1990). UNHCR Policy on Refugee Women. Submitted by the High Commissioner, Executive Committee of the High Commissioner's Programme. A/AC.96/754 (20 August 1990). Geneva.
- United Nations General Assembly (2011). Right to adequate housing. Report of the Special Rapporteur on adequate housing as a component of the right to an adequate standard of living (A/66/270).
- United Nations General Assembly (2010). Report of the Special Rapporteur on adequate housing as a component of the right to an adequate standard of living, and on the right to non-discrimination in this context, Raquel Rolnik (A/HRC/16/42).

- United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), (1991). Guidelines on the Protection of Refugee Women. Executive Committee of the High Commissioner's Programme, Sub-Committee of the Whole on International Protection (July 1991). Geneva
- Watt, E. (2019) When disaster strikes: how education and children's futures were battered by Cyclone Idai. Theirworld. <<https://theirworld.org/news/cyclone-idai-batters-education-children-futures-mozambique-malawi-zimbabwe>> Diakses pada 12 Mei 2020.
- WHO. (2002). Gender and Health in Disasters. World Health Organisation: Geneva.
- Wisner, B., Blaikie, P., Cannon, T. and Davis, I. (2004). At Risk: Natural Hazards, People's Vulnerability and Disasters, 2<sup>nd</sup> edn, London: Routledge
- Wiest, R.E. (1994). *The family in Bangladesh: coping with natural disasters*. In *Natural Disasters in Bangladesh: Issues for the Social Sciences*, S.M. Nurul Alam, ed. Dhaka: Academic Press.